


Sinar Harian 7/2/2019 mlj 3

Maut selepas makan telur ikan buntal



MANGSA dipercayai maut setelah memakan telur ikan buntal. - Gambar Hiasan

TUBAN - Seorang lelaki dari Desa Sumurgung, Kecamatan Montong dilaporkan maut setelah memakan telur ikan buntal.

Rudiyanto Wijaya, 37 dipercayai meninggal dunia akibat memakan telur ikan berkenaan pada Ahad lalu.

Seorang rakan mangsa bernama Muha, berusia 40 tahun turut dikejarkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan setelah memakan telur ikan buntal bersama mangsa.

Menurut laporan pihak berkuasa, Rudiyanto diminta memasak telur ikan buntal berkenaan di warung milik seorang lagi rakan bernama Darmuji.

Selesai memasak, mangsa mempelawa ketiga-tiga rakannya untuk makan, namun hanya Muha yang menerima ajakan terbabit.

Rudiyanto dan Muha segera dibawa ke hospital apabila kedua-dua mereka muntah sesudah memakan telur ikan buntal terbabit, namun malangnya Rudiyanto tidak dapat diselamatkan. - Kompas.com